

Pakistan kaji peroleh Sijil Halal Malaysia

KUALA LUMPUR: Pakistan sedang mengkaji kemungkinan memperoleh Sijil Halal Malaysia sebagai langkah meningkatkan eksport produk halalnya ke negara ini, terutama daging lembu.

Pesuruhjaya Tinggi Pakistan ke Malaysia, Masood Khalid berkata, harga daging, termasuk daging lembu di negaranya lebih murah dan bekalannya banyak.

"Daging dan daging lembu kami lebih murah, manakala simpanan (daging dan daging lembu) Pakistan memang banyak. Kami bekerjasama untuk mendapatkan Sijil Halal Malaysia dan tidak menghadapi masalah membekalkan makanan halal kerana kami pengeluar yang beragama Islam," katanya dalam temubual eksklusif dengan Bernama sempena sambutan Hari Pakistan ke-72 Jumaat ini.

Masood berkata, Pakistan berharap hubungan dua hala sedia terutama dalam bidang ekonomi terus dipertingkatkan.

Katanya, hubungan perdagangan dua hala antara Pakistan dan Malaysia mencecah nilai AS\$2.8 bilion (RM8.7 bilion) tahun lalu, meningkat 14 peratus berbanding nilai pada tahun sebelumnya.

"Daripada jumlah itu, nilai eksport Pakistan ke Malaysia hanya AS\$257 juta (RM797 juta), jadi imbangannya dagangan menyebehi Malaysia. Oleh itu, kami ingin meningkatkan jumlah eksport ke Malaysia, terutama beras, mangga dan daging lembu.

"Kami ingin mempelawa lebih banyak syarikat Malaysia meluaskan perniagaan mereka di Pakistan, terutama dalam industri pembinaan dan meneroka peluang perniagaan," katanya. - Bernama